



**DR Nik Mohd Shafikudin menunjukkan beg Sonic.**

# Beg Sonic

■ **Dihasilkan 10 staf USIM bagi ganti peti kecemasan**

Oleh **Mohd Amin Jalil**  
am@hmetro.com.my  
**Nilai**

**S**ekumpulan 10 kakitangan Pusat Kesihatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menghasilkan inovasi baru iaitu beg menggantikan peti kecemasan.

Pengarah Pusat Kesihatan

USIM Dr Nik Mohd Shafikudin Nik Md Tajuddin berkata, beg kecemasan dinamakan Sonic itu adalah beg galas yang sesuai digunakan untuk aktiviti luar menggantikan peti kecemasan.

Beliau berkata, peti kecemasan sedia ada mempunyai beberapa kesulitan untuk aktiviti luar seperti reka bentuk kurang sesuai, mudah rosak kerana diperbuat daripada kotak dan plastik, selain tidak mempunyai manual panduan penggunaan serta harga mahal.

"Apabila kita menghasilkan beg kecemasan Sonic, pasukan menetapkan spesi-

fikasi beg dihasilkan mempunyai reka bentuk sesuai, diperbuat daripada bahan tahan lasak dan saiz yang sederhana.

"Di pasaran memang tidak ada lagi beg kecemasan sesuai untuk aktiviti luar, namun hasil kerja berpasukan, kami mencipta beg Sonic yang mempunyai ruang penyimpanan ubat-ubatan.

"Beg ini bukan saja mudah dibawa, malah kos murah berbanding peti kecemasan. Ia diperbuat daripada material berkualiti dan mudah didapati selain disertakan panduan penggunaan yang mudah difahami," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, antara peralatan asas kecemasan disediakan dalam beg itu ialah pembalut luka, kain anduh, pembalut kain kasa, larutan

jodin, krim antiseptik dan gunting kecil.

Beliau berkata, beg kecemasan juga disertakan beberapa ciri tambahan termasuk tilam tidur mudah bawa, lampu picit, tempat simpanan sejuk (peket ais), poket bank kuasa (powerbank) dan kompas.

Katanya, setakat ini sembilan beg Sonic dihasilkan untuk kegunaan pelajar khususnya di bawah kendalian Hal Ehwal Pelajar USIM.

"Inovasi beg kecemasan Sonic mendapat pengiktirafan ketika Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Universiti Awam (UA) ke-11, baru-baru ini apabila dipilih sebagai penerima Anugerah Khas Pengurusan Bencana Negara dan menerima penarafan emas," katanya.